

China benar 120 rakyat Malaysia dibawa pulang

Kedutaan hantar bantuan bersama bekalan makanan guna jalan darat ke Wuhan.

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia menerima kebenaran daripada pihak berkuasa China untuk membawa pulang semua rakyat negara ini di Wuhan, Wilayah Hubei yang terkandas akibat penularan coronavirus (2019-nCov).

Duta Besar Malaysia ke China, Raja Datuk Nushirwan Zainal Abidin, berkata enam pegawai dari pejabat Kedutaan Besar Malaysia di China sudah dihantar ke Wuhan, pagi semalam.

"Kita sudah menghantar pasukan ke Wuhan jam 10.30 pagi tadi (semalam), melalui jalan darat yang mengambil masa kira-kira 13 jam perjalanan dan mereka dijangka tiba selewat-lewat tengah malam ini (semalam) sebelum membantu menyelaras seramai 120 orang rakyat Malaysia yang berada di seluruh Wilayah Hubei."

"Langkah ini dibuat selepas kita menerima kebenaran China dan pihak berkuasa di Wuhan untuk memasuki kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Nushirwan berkata, pasukan peninjau enam orang itu termasuk pegawai kedutaan menggunakan enam kenderaan yang turut membawa bekalan makanan.

Beliau berkata, pasukan itu juga berusaha mengesan rakyat



Kumpulan pertama bantuan dari Malaysia sedia berlepas ke Wuhan selepas mendapat kebenaran China semalam.

Malaysia yang lain, berkemungkinan tidak direkodkan oleh pihak kedutaan.

"Setakat ini, kita tidak tahu sekiranya ada perkara di luar jangkaan yang mungkin berlaku ke atas rakyat Malaysia di Wuhan, sama ada mereka sakit atau sudah kembali ke tanah air."

"Namun pasukan peninjau kedutaan akan berusaha mendapatkan maklumat secara lebih terperinci," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini jumlah 120 orang yang direkodkan membabitkan 11 penuntut, pekerja profesional dan pelancong.

Ditanya kemungkinan ada lagi pelan evakuasi untuk rakyat Malaysia di Wuhan, Nushirwan berkata, setakat ini sejumlah 120



Raja Nushirwan Zainal Abidin

orang itu sahaja berada di bandar itu dan semuanya boleh dimuatkan dalam satu penerbangan.

Bagaimanapun beliau berkata, tarikh sebenar penerbangan untuk membawa balik kesemua rakyat Malaysia kembali ke tanah air hanya akan diumumkan

oleh Putrajaya.

Kelmarin, media melaporkan kerajaan memberi keutamaan membawa pulang 117 rakyat Malaysia dari Wuhan di Wilayah Hubei bersama sekitarnya berikutnya Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan penularan kluster 2019 coronavirus sebagai darurat kesihatan dunia.

Laporan dari Beijing menyebut, jumlah kematian akibat coronavirus meningkat kepada 259 orang sehingga semalam, manakala bilangan kes yang sudah disahkan melonjak kepada hampir 12,000.

Semua kematian itu kecuali satu, berlaku di Wilayah Hubei yang paling teruk terjejas dan juga dikenal pasti pusat penyebaran wabak terbabit.